

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOGEH ANAK GUMBEK
[MAS GADING]**

TARIKH : 16 JUN 2015

RUJUKAN : 8072

SOALAN:

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik terkini jumlah kemalangan melibatkan motosikal khususnya motosikal berkuasa tinggi serta langkah yang bakal diambil untuk mengurangkan kemalangan di kalangan penunggang motosikal di Malaysia.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kemalangan jalanraya yang melibatkan motosikal berkuasa tinggi telah menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Keadaan ini terjadi memandangkan penggunaan motosikal berkuasa tinggi telah menjadi *trend* masa kini dan menjadi pilihan dan kegilaan kepada mereka yang berpendapatan tinggi dan serdehana tinggi.

Perbandingan statistik kes kemalangan jalanraya yang melibatkan motosikal secara keseluruhan dan yang melibatkan motosikal berkuasa tinggi bagi tahun 2010 hingga 2015 (sehingga April) adalah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH MOTOSIKAL TERLIBAT DENGAN KEMALANGAN	
	KESELURUHAN MOTOSIKAL	MOTOSIKAL BERKUASA TINGGI
2010	120,156	42,052
2011	129,017	46,260
2012	104,523	50,548
2013	121,700	54,776
2014	125,712	58,967
2015 (JAN-APR)	43,026	14,342

Nota :Takrif Motosikal Berkuasa Tinggi adalah yang melebihi 250cc dan ke atas

Antara tindakan yang diambil untuk mengurangkan jumlah kematian dan kecederaan yang melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal berkuasa besar seperti berikut:-

- i) Memperketatkan pengeluaran lesen memandu;**
- ii) Memastikan penggunaan lorong motosikal digunakan sepenuhnya;**
- iii) Meningkatkan penguatkuasaan lalulintas;**
- iv) Mengadakan kempen keselamatan jalanraya secara berkala bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain dan pihak swasta; dan**
- v) Menyiarkan program di televisyen mengenai cara-cara pemanduan berhemah dan akibat jika lalai / cuai di jalanraya.**